



**AmBank Group**



**FRIENDS PROVIDENT**

**Kumpulan AmBank mengumumkan perkongsian perniagaan strategik dengan Friends Provident Plc (UK) dalam perniagaan insurans hayat.**

Hari ini, Kumpulan AmBank dan Friends Provident Plc telah mengumumkan pengambilalihan Friends Provident atas AmLife Insurance Berhad (AmLife) (Dikenali sebagai AmAssurance Berhad sebelum ini) sebanyak 30%. AmLife Insurance Berhad merupakan syarikat yang menguruskan insurans hayat bagi Kumpulan AmBank. Ini diikuti oleh pemisahan di antara perniagaan insurans hayat dan insurans am Kumpulan tersebut pada 1 Disember 2008. AmLife kini telah menguruskan perniagaan insurans hayat manakala perniagaan insurans am dijalankan oleh AmG Insurance Berhad (AmG)

Friends Provident adalah syarikat insurans hayat dan pencen yang tersenarai di papan utama di UK. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1832. Strategi Friend Provident adalah untuk menggunakan kelebihan mereka dari segi teknologi dan perkhidmatan untuk mengendalikan perniagaan mereka di rantau ini. Sejak dimutualisasi pada tahun 2001, syarikat ini telah berkembang dalam menawarkan pelan perlindungan dan pencen untuk menyempurnakan lagi perniagaan pelan unit berkaitan mereka. Selain daripada itu, mereka juga lebih mengutamakan pengembangan perniagaan mereka di peringkat antarabangsa. Friends Provident amat bersungguh dan komited terhadap prinsip yang diinisiatif oleh Penguasa Perkhidmatan Kewangan di UK iaitu "Memberi Layanan yang Baik kepada Para Pelanggan"

Friends Provident telah memasarkan produk- produknya di UK dan juga di seluruh dunia melalui perantaranya. Perniagaan utamanya di UK ialah pelan perlindungan dan pencen korporat. Friends Provident International

telah mencipta pelbagai produk simpanan, pelaburan dan pencen yang kompetitif untuk pasaran yang luas dan besar. Ini termasuklah pasaran mereka di Hong Kong, Singapura, Emiriah Arab Bersatu, Jerman dan akan membantu AmLife di Malaysia mulai hari ini.

Friends Provident telah memenangi banyak anugerah untuk kategori dalam kualiti, perkhidmatan produk- produknya. Ia juga memenangi anugerah dalam Anugerah Kewangan Internet 2008 dan digelar sebagai Penyedia Perlindungan Internet yang Terbaik. Selain daripada itu, ia juga memenangi Anugerah Penyedia Pencen di Anugerah Pencen Eropah 2008 dan juga anugerah Standard Emas 2008 untuk kategori dalam perlindungan.

YBhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi Kumpulan AmBank berkata, "Kita berasa sungguh gembira untuk bekerja bersama Friends Provident yang terkenal secara global dalam operasi insurans hayat. Perniagaan perkongsian ini akan memanfaatkan industri insurans hayat di Malaysia dengan kepakaran mereka dalam *penyusunan perlindungan internet dan pelan pencennya yang utama*. AmLife amat berminat untuk belajar dan menawarkan penyelesaian- penyelesaian ini melalui pemasaran produk- produknya menerusi para ejen dan juga para jurubank peribadinya. Perkongsian perniagaan ini benar- benar dapat menumpukan perhatian para kakitangan kami untuk terus menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan dan juga rakan niaga kami. Akhirnya, Rakyat Malaysia akan menerima faedah- faedah daripada penyelesaian- penyelesaian ini untuk memenuhi segala keperluan gaya hidup mereka. AmLife akan memperkenalkan pelan penyelesaian semua ini bersama- sama dengan Friends Provident tidak lama lagi."

Pengerusi Friends Provident, Sir Adrian Montague berkata, "Kami berasa amat berbesar hati kerana dapat menjadi rakan niaga AmLife. Friends Provident amat komited pada rantau Asia dan memasuki pasaran Malaysia adalah menarik bagi strategi kami, kerana ia adalah bagi melengkapkan operasi- operasi kami di Singapura dan Hong Kong. Saya yakin bahawa

perkongsiannya antara kedua-dua perniagaan yang kukuh ini dapat meningkatkan lagi reputasi AmLife di pasaran ini.

'Malaysia menawarkan banyak peluang untuk AmLife bagi memperkenalkan insurans perlindungan dan juga pelan perlindungan pendapatan serta perancangan persaraan yang utama di pasaran yang sedia ada. Sinergi di antara dua organisasi ini akan menjadikan satu kombinasi atau gabungan yang cemerlang.'

Operasi insurans hayat dan am mempunyai tenaga jualan sebanyak 6,000 orang. Produk dan perkhidmatan insurans boleh didapati melalui satu rangkaian pengagihan sebanyak 200 cawangan, termasuk 180 cawangan bank runcit Kumpulan AmBank dan 21 buah pejabat insurans yang masih lagi menggunakan jenama "AmAssurance".

Baru-baru ini, cabangan insurans Kumpulan AmBank ini telah memenangi Anugerah Usahawan Serantau yang Cemerlang 2008 bagi perkembangan perniagaannya, pemupukan amalan yang terbaik, pelaburan dalam pekerja-pekerjanya dan juga untuk usaha publisiti yang terbaik. Ia juga turut memenangi anugerah dalam Kategori Syarikat yang Terunggul daripada "Anugerah Perniagaan Tahunan Terbaik 2007" untuk falsafah perdagangannya yang terpuji dan juga syarikat yang mempunyai misi-misi dan wawasan yang jelas.

Perkongsiannya perniagaan antara Kumpulan AmBank dan Friends Provident dijangka akan meningkatkan keputusan dan hasil usaha produk-produk insurans hayat dan am untuk semua rakyat Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

AmBank Group  
Mr Syed Anuar Syed Ali  
Pengarah, Hal Ehwal Awam Kumpulan  
Tel: +603 2036 1703  
E-mail: [sasa@ambg.com.my](mailto:sasa@ambg.com.my)  
Web: [ambg.com.my](http://ambg.com.my)

Friends Provident plc  
Mr Peter Timberlake  
Ketua jabatan Perhubungan Awam  
Tel: +44 (0) 845 641 7834  
E-mail:  
[peter.timberlake@friendsprovident.co.uk](mailto:peter.timberlake@friendsprovident.co.uk)  
Web: [www.friendsprovident.co.uk](http://www.friendsprovident.co.uk)